



AITCS

Homepage: <http://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/aitcs>
e-ISSN :2773-5141

Sistem Pengurusan dan Tempahan Rumah Inap di Kota Bharu berasaskan Web

Web-based Homestay Booking and Management System in Kota Bharu

Wan Nur Syuhada Sammio¹, Nurul Aswa Omar^{1*}

¹Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400, MALAYSIA

DOI: <https://doi.org/10.30880/aitcs.2024.05.01.043>

Received 24 June 2023; Accepted 18 May 2024; Available online 30 August 2024

Abstrak: Rumah inap adalah satu keperluan bagi pelancong yang datang melancong ke sesuatu tempat atau negeri. Ia merupakan sebuah pusat penempatan sementara untuk mereka berehat dan berlindung dari cuaca yang kurang baik seperti hujan. Jika dapat dilihat, ramai pelancong mencari rumah penginapan sepanjang tempoh pelancongan mereka untuk berteduh. Oleh itu, sistem tempahan dan pengurusan rumah inap ini dibangunkan bertujuan untuk membantu pelancong dalam mencari dan membuat tempahan penginapan dengan menggunakan sistem ini. Tambahan pula, sistem ini juga dapat membantu pemilik-pemilik rumah inap dalam memasarkan rumah inap bagi membantu perniagaan mereka agar dapat disebarluaskan secara meluas. Sistem ini membolehkan pelanggan mengesahkan kewujudan sebenar rumah inap bagi mengelakkan isu penipuan secara atas talian. Bukan itu sahaja, sistem ini juga membolehkan pelanggan melihat ulasan pengalaman pelanggan-pelanggan terdahulu bagi menjamin keselesaan mereka sepanjang tempoh pelancongan serta meninggalkan maklum balas. Metodologi yang digunakan dalam pembangunan sistem ialah Model Air Terjun. Manakala, teknologi yang terlibat pula adalah teknologi *Laravel* dan *Tailwind framework*. Secara keseluruhannya, sistem ini dibangunkan bertujuan memudahkan proses penempahan rumah inap oleh pelanggan serta pemilik-pemilik rumah inap dapat memajukan lagi perniagaan mereka. Pada akhir projek ini, sistem ini dijangka dapat membantu pelanggan dan pemilik-pemilik rumah inap dalam urusan penempahan rumah inap secara atas talian.

Kata kunci: Rumah inap, tempahan atas talian, sistem berasaskan web.

Abstract: Homestay is a necessity for tourists who come to visit a particular place or state. It serves as a temporary accommodation for them to rest and seek shelter from inclement weather such as rain. If observed, many tourists search for homestays throughout their travel period to seek refuge. Therefore, this homestay booking and management system was developed with the aim of assisting tourists in finding and making reservations for accommodation using this system. Additionally, this system

*Corresponding author: nurulaswa@uthm.edu.my

| This is an open access article under the CC BY-NC-SA 4.0 license.

also helps homestay owners to market their homestays to expand their business. The system allows customers to verify the actual existence of the homestay to prevent online fraud issues. Moreover, customers can also view reviews from previous customers to ensure their comfort throughout the travel period and provide feedback. The methodology used in the system is the Waterfall Model. As for the technology involved, it includes the Laravel and Tailwind framework. Overall, this system was developed with the aim of facilitating the homestay booking process for customers and enabling homestay owners to further develop their businesses. By the end of this project, it is expected that this system will assist customers and homestay owners in homestay reservations.

Keywords: *Homestay, online booking management, web-based system.*

1. Pengenalan

Industri pelancongan di Malaysia suatu masa dahulu berkembang pesat dengan memainkan peranan yang besar dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan ekonomi Malaysia di mana industri ini pernah menyumbang sebanyak RM86.14 bilion Keluaran Dalam Negara (KDNK) Malaysia, kira-kira lebih 26 juta pelancong asing datang ke Malaysia pada tahun 2019 [9]. Bahkan, kerajaan Malaysia pernah mengadakan insentif untuk menggalakkan pelancongan Malaysia makin berkembang seperti pengurangan cukai, pemberian visa pelancong serta bantuan kewangan untuk industri pelancongan kecil dan sederhana (IKS) dalam membantu meningkat kualiti dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada pelancong [9]. Program *Home Stay* yang dilancarkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MoTAC) pada tahun 1995 membolehkan pemilik rumah inap mengambil bahagian dalam memasarkan rumah inap mereka. Program ini berjaya menyumbang dalam menyediakan pilihan penginapan alternatif kepada pelancong yang mencari jenis percutian yang berbeza berbanding tawaran biasa dalam pakej pelancongan [10]. Walaubagaimanapun, timbul aduan yang mengatakan terdapat kekurangan dalam kemudahan penginapan dan pengangkutan serta perlu ditambahbaik. Oleh itu, sistem ini dibangunkan bagi menambahbaik kemudahan penginapan yang terdapat di Malaysia. Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, rumah bermaksud binaan untuk tempat tinggal atau kediaman, manakala inap pula bermaksud menumpang tidur atau bermalam. Jadi, rumah inap bermaksud kediaman untuk bermalam.

Bagi projek cadangan ini, Sistem Tempahan dan Pengurusan Rumah Inap di Kota Bharu dicadangkan untuk dinaiktaraf dari proses tempahan secara manual kepada proses tempahan secara atas talian berasaskan web di mana proses manual melibatkan pemilik rumah inap dan pelanggan dalam urusan tempahan. Hal ini dapat dilihat dalam urusan tempahan di mana pelanggan perlu mencari rumah inap di pelbagai *platform* berbeza kerana terdapat beberapa pemilik yang memasarkan rumah inap seperti di halaman *Facebook* dan di laman web seperti *Trivago.com*. Hal ini menyukarkan pelanggan mencari rumah inap berpatutan dan sesuai dengan kehendak mereka. Tambahan pula, pelanggan perlu menghantar mesej bagi tujuan pertanyaan atau tempahan melalui aplikasi *WhatsApp*. Hal ini menyukarkan pemilik rumah inap kerana perlu membalas setiap satu mesej yang dihantar dan menjawab pertanyaan tersebut. Perkara ini akan menyebabkan pengurusan yang tidak sistematik dan tidak teratur. Selain itu, proses manual juga melibatkan pengurusan pemilik-pemilik rumah inap di mana mereka perlu mencatat maklumat tempahan pelanggan di dalam kalendar telefon. Hal ini akan membebankan mereka kerana perlu mencatat setiap kali tempahan baharu dibuat oleh pelanggan serta mereka mungkin menghadapi masalah seperti kesilapan dalam merekod data dan maklumat tempahan.

Oleh yang demikian, Sistem Tempahan dan Pengurusan Rumah Inap di Kota Bharu dibangunkan untuk memastikan sistem ini dapat memudahkan pelanggan serta pemilik-pemilik rumah inap dalam urusan tempahan agar dapat menyelesaikan permasalahan tersebut. Sistem ini dilengkapi dengan pangkalan data yang membolehkan pemilik-pemilik rumah inap menyimpan data dan rekod tempahan

pelanggan dengan selamat tanpa menghadapi masalah di kemudian hari. Antara objektif projek ini adalah mereka bentuk Sistem Tempahan dan Pengurusan Rumah Inap di Kota Bharu, membangunkan sistem berasaskan web yang membolehkan pelanggan membuat tempahan secara atas talian dan menguji Sistem Tempahan dan Pengurusan Rumah Inap di Kota Bharu dari segi penerimaan pengguna dan fungsi sistem. Sistem ini mensasarkan pentadbir, pemilik rumah inap dan pelanggan sebagai skop sistem. Sistem ini juga mempunyai beberapa modul yang melibatkan ketiga-tiga peringkat pengguna. Antaranya, pentadbir dapat menambah dan mengemaskini pengguna baharu, serta dapat menambah, mengemaskini dan menghapus status pengguna. Manakala pemilik rumah inap pula dapat memasarkan rumah inap mereka di dalam sistem berkenaan dengan memasukkan maklumat rumah inap. Pelanggan pula dapat mencari dengan menggunakan fungsi penapis berdasarkan beberapa ciri rumah inap mengikut kehendak mereka, membuat tempahan penginapan serta meninggalkan maklum balas atau ulasan pengalaman sepanjang berada di rumah inap tersebut. Pembangunan sistem ini menggunakan perisian *Microsoft Visual Studio Code* serta *XAMPP* yang terdiri daripada *Apache* dan *MySQL*.

2. Kajian Literatur

2.1 Perbandingan antara sistem sedia ada setara dan sistem yang dicadangkan

Sistem Tempahan dan Pengurusan Rumah Inap dibangunkan bertujuan memenuhi kehendak pengguna. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ke atas tiga sistem setara sedia ada iaitu *Airbnb.com*, *Booking.com* dan *Trivago.com.my*. Kajian ini dilakukan untuk dijadikan panduan supaya dapat pembinaan sistem baru dapat dibangunkan sebaik mungkin. Di bawah merupakan jadual perbandingan antara tiga sistem sedia ada yang setara seperti yang disebutkan di atas dengan Sistem Tempahan dan Pengurusan Rumah Inap di Kota Bharu.

Jadual 1: Perbandingan sistem sedia ada dan sistem yang dicadangkan

Sistem / Fungsi	A	B	C	D
Pendaftaran	✓	✓	✓	✓
Log masuk	✓	✓	✓	✓
Fungsi carian	✓	✓	✓	✓
Fungsi penapis	✓	✓	✓	✓
Kedudukan rumah inap	✓	✓	✓	✓
Tempahan	✓	✓	✓	✓
Penilaian & maklum balas	✓	✓	✓	✓
Kemaskini akaun pengguna	✓	✓	✓	✓

Penunjuk:

A: *Airbnb.com*

B: *Booking.com*

C: *Trivago.com.my*

D: Sistem Tempahan dan Pengurusan Rumah Inap di Kota Bharu

Jadual 1 di atas menunjukkan perbandingan antara ketiga-tiga sistem penginapan sedia ada dengan sistem yang dicadangkan. Terdapat lapan ciri-ciri yang dibandingkan merangkumi fungsi pendaftaran, log masuk, fungsi carian, fungsi penapis, kedudukan rumah inap, tempahan, penilaian dan maklum balas serta kemaskini akaun pengguna. Bagi fungsi pendaftaran dan log masuk, pengguna sistem perlu membuat pendaftaran dan log masuk sebelum dapat mengakses sistem tersebut. Bagi fungsi carian dan penapisan, semua sistem tersebut menyediakan kemudahan untuk mencari dan menapis ciri-ciri carian berdasarkan kehendak pelanggan. Semua sistem yang dibandingkan termasuklah sistem cadangan menyediakan ciri-ciri kedudukan rumah inap. Contohnya, pengguna dapat melihat kedudukan rumah inap bagi membantu mereka memilih rumah penginapan berdasarkan penilaian pengguna sebelum membuat tempahan. Selain itu, modul tempahan juga disediakan oleh ketiga-tiga sistem termasuklah sistem cadangan. Modul yang seterusnya adalah penilaian dan maklum balas di mana ketiga-tiga sistem sedia ada menyediakan modul ini termasuklah sistem cadangan. Akhir sekali, ciri-ciri seterusnya yang dibandingkan adalah kemaskini akaun pengguna seperti pengguna dapat mengemaskini nama pengguna, alamat emel dan kata laluan di modul berkenaan. Modul ini juga disediakan oleh kesemua sistem sedia ada dan sistem yang dibangunkan.

3. Metodologi

3.1 Model Air Terjun

Bahagian ini menjelaskan tentang fasa-fasa metodologi kajian yang digunakan dalam projek ini. Projek ini menggunakan Model Air Terjun sebagai model pengurusan projek. Model ini mengandungi 5 fasa. Model ini dipilih kerana mudah untuk digunakan dan difahami agar projek ini dapat dijalankan dengan baik. Ciri-ciri model ini di mana satu fasa perlu disiapkan terlebih dahulu sebelum ke fasa seterusnya menjadikan model ini mudah diuruskan dan digunakan.

3.1.1 Fasa Perancangan

Projek ini dibangunkan dengan perancangan teliti agar projek yang dibangunkan menepati objektif kajian. Fasa perancangan ini melibatkan beberapa aktiviti yang dikenalpasti antaranya, menentukan tajuk projek yang akan dilaksanakan, iaitu Sistem Pengurusan dan Tempahan Rumah Inap di Kota Bharu. Selain itu, pernyataan masalah, objektif, skop kajian dan keperluan lain yang diperlukan dikenal pasti bagi memastikan projek ini dapat dibangunkan berdasarkan masalah sebenar yang dihadapi oleh pemilik dan pelanggan rumah inap. Perancangan teliti diperlukan dan kajian awal dapat membantu dalam memberi gambaran yang jelas terhadap sistem yang akan dibangunkan.

Seterusnya, projek ini menggunakan kaedah menemubual pemilik rumah inap bagi mendapatkan maklumat mengenai proses manual pengurusan dan tempahan rumah inap yang dijalankan oleh pemilik rumah inap serta pelanggan mereka. Projek ini perlu mendapatkan kelulusan dan kebenaran terlebih dahulu dari pihak Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), UTHM agar dapat memperoleh maklumat dari organisasi luar bagi meneruskan projek ini. Setelah itu, kertas cadangan projek disediakan bagi menentukan skop sistem, kepentingan projek dan sebagainya. Di samping itu, jadual projek iaitu carta Gantt dibina dengan menggunakan perisian *Project Libre* bagi membolehkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan direkod dan disiapkan dalam masa yang diperuntukkan.

3.1.2 Fasa Analisis

Pada fasa ini, terdapat beberapa aktiviti yang dilakukan termasuklah mengumpul, merekod dan menganalisis maklumat yang diperolehi. Analisis mengenai maklumat yang diperolehi daripada hasil temubual pemilik rumah inap juga dijalankan bagi memenuhi keperluan pengguna dan pemilik rumah inap tersebut. Projek ini akan dibangunkan menggunakan perkakasan bagi jenis komputer iaitu komputer riba berjenama *Hewlett-Packard (HP)* yang mempunyai memori capaian rawak (*Random*

Access Memory) bersaiz 20 GB serta *Solid State Drive* (SSD) yang mempunyai ruang simpanan tersedia berjumlah 225GB. Manakala perisian pula, perisian *Microsoft Visual Studio Code* dan *Apache XAMPP* dipilih bagi membangunkan sistem ini. Sistem ini dibangunkan dengan menggunakan *Laravel framework* yang mengutamakan *PHP: Hypertext Preprocessor* (PHP) sebagai bahasa pengaturcaraan *backend*. Sistem Pengurusan dan Tempahan Rumah Inap di Kota Bharu memilih untuk menggunakan *PHP* sebagai bahasa pengaturcaraan dalam pembangunan sistem ini. Selain itu, pemilihan *Tailwind CSS framework* sebagai bahasa *Cascading Style Sheet* (CSS) untuk menggayakan sistem ini dengan *predefined classes*. Manakala, *MySQL* pula merupakan bahasa sistem pangkalan data yang digunakan dalam pembangunan projek ini

3.1.3 Fasa Reka Bentuk

Fasa ini membincangkan tentang beberapa aspek penting dalam pembangunan sistem yang dicadangkan. Antara aktiviti dalam fasa ini termasuklah reka bentuk antaramuka sistem, reka bentuk carta alir, rajah konteks, rajah aliran data dan sebagainya. Fasa ini dapat membantu memberi gambaran awal kepada pengguna mengenai rekabentuk sistem dan juga pangkalan data yang akan digunakan dalam sistem yang akan dibangunkan. Rajah Aliran Data (DFD) serta Rajah Hubungan Entiti (ERD) dibincangkan dengan lebih terperinci di bab empat laporan ini.

3.1.4 Fasa Pelaksanaan

Fasa seterusnya adalah fasa pelaksanaan. Pada fasa ini, sistem yang dicadangkan akan berada dalam proses pembangunan. Antara aktiviti yang dijalankan dalam fasa ini termasuklah pembangunan sistem mengikut antaramuka yang dihasilkan menggunakan perisian *Miro* pada fasa reka bentuk dan pembangunan sistem pangkalan data. Manakala pangkalan data bagi Sistem Pengurusan dan Tempahan Rumah Inap di Kota Bharu direka bentuk dan dibangunkan menggunakan *MySQL*.

3.1.5 Fasa Penyelenggaraan

Setelah fasa pelaksanaan selesai, fasa penyelenggaraan akan dijalankan. Pengujian akan dijalankan terhadap sistem yang telah dibangunkan. Sekiranya, sistem ini tidak memenuhi keperluan pengguna dan menghadapi risiko terhadap keselamatan web, sistem akan menjalani fasa penyelenggaraan. Pengujian terhadap sistem akan dilakukan oleh pemilik rumah inap dan seterusnya akan diselenggara mengikut keperluan pengguna agar sistem dapat berfungsi dengan sepenuhnya serta memenuhi objektif yang telah ditetapkan.

4. Analisis dan Rekabentuk

4.1 Keperluan Fungsi Sistem

Keperluan fungsi sistem memainkan peranan penting dalam pembangunan sistem. Ini untuk memastikan fungsi sistem yang dibangunkan dapat berjalan seperti yang dirancangan. Tanpa perancangan yang teliti pasti akan membawa kepada masalah di kemudian hari. Jadual 2 di bawah menerangkan tentang keperluan berfungsi sistem. Modul daftar dan log masuk membenarkan pengguna mengakses sistem ini. Sistem ini juga menyediakan fungsi carian, fungsi penapis, kedudukan rumah inap, kemaskini akaun pengguna dan penempatan rumah inap.

Jadual 2: Keperluan Berfungsi Sistem

Fungsi	Penerangan
Daftar	Sistem membenarkan pengguna baharu untuk mendaftar akaun.
Log masuk	Sistem membenarkan pengguna yang berdaftar seperti pemilik inap, pelanggan dan pentadbir untuk log masuk akaun sedia ada bagi membuat tempahan dan sebagainya.
Carian	Sistem membolehkan pengguna seperti pelanggan untuk mencari rumah inap dan memaparkan keputusan carian.
Penapis	Sistem ini membolehkan pengguna mencari rumah inap mengikut kehendak mereka berdasarkan beberapa ciri termasuklah bajet dan lokasi rumah inap.
Kedudukan rumah inap	Sistem akan memaparkan kedudukan rumah inap di sekitar Kota Bharu untuk memudahkan pelanggan mencari rumah penginapan berdasarkan taraf tertinggi rumah inap tersebut.
Kemaskini akaun pengguna	Sistem akan menyimpan data dan maklumat pengguna sekiranya mereka mengemaskini maklumat akaun mereka.
Penempatan rumah inap	Sistem dapat memaparkan rumah inap yang telah dimuatnaik oleh pemilik rumah inap untuk diiklankan di dalam sistem tersebut.

4.2 Keperluan Bukan Fungsi Sistem


Keperluan bukan fungsi sesuatu sistem adalah suatu keperluan yang tidak berkenaan secara langsung dengan fungsi yang ditawarkan oleh sistem itu untuk penggunaannya di mana ia melibatkan ciri-ciri sistem seperti kebolehpercayaan, prestasi dan keselamatan sistem [11]. Jadual 3 menerangkan tentang keperluan bukan fungsi yang terdapat dalam sistem yang dicadangkan. Antaranya keperluan operasi, keperluan keselamatan, dan keperluan persembahan.

Jadual 3: Keperluan Bukan Fungsi Sistem


Keperluan bukan fungsi	Penerangan
Keperluan operasi	Sistem ini boleh digunakan dalam pelayar web seperti Chrome, Mozilla Firefox dan Microsoft Edge.
Keperluan keselamatan	Pengguna sistem dapat mengakses akaun mereka menggunakan nama pengguna dan kata laluan yang telah didaftarkan.
Keperluan persembahan	Sebarang interaksi antara pengguna dan sistem tidak melebihi 5 saat.

4.3 Rajah Kes Guna


Rajah kes guna merupakan elemen penting dalam reka bentuk sistem dalam memastikan perancangan pembangunan sistem teratur dan mengikut perancangan. Sistem ini dibangunkan menggunakan *Object-Oriented Programming*. Oleh itu, rajah kes guna dihasilkan bagi menggambarkan pengguna-pengguna sistem dan modul bagi setiap pengguna. Rajah 1 di bawah merupakan Rajah Kes Guna bagi setiap peringkat pengguna sistem iaitu, pentadbir, pemilik rumah inap dan pelanggan.



Rajah 1: Rajah Kes Guna bagi Pentadbir



Rajah 2: Rajah Kes Guna bagi Pemilik Rumah Inap




Rajah 3: Rajah Kes Guna bagi Pelanggan

Rajah 1 di atas menjelaskan mengenai Rajah Kes Guna bagi pentadbir. Pentadbir dapat log masuk, tambah dan kemaskini pengguna serta dapat menambah, mengemaskini dan menghapus status pengguna serta log keluar. Bagi rajah 2 pula mengenai Rajah Kes Guna bagi pemilik rumah inap di mana pemilik rumah inap dapat mendaftar, log masuk, urus maklumat rumah inap, kemaskini profil pengguna dan log keluar. Akhir sekali, rajah 3 pula mengenai Rajah Kes Guna bagi pelanggan. Pelanggan akan dapat mendaftar, log masuk, melihat paparan laman utama, membuat carian, menggunakan fungsi penapis, membuat tempahan, meninggalkan maklum balas, mengemaskini profil pengguna serta log keluar.

4.4 Rajah Aktiviti

Rajah 4 di bawah merupakan Rajah Aktiviti bagi sistem ini yang melibatkan ketiga-tiga peringkat pengguna.



Rajah 4: Rajah Aktiviti


5. Keputusan dan Perbincangan

Pada bahagian ini membincangkan mengenai pelaksanaan dan pengujian yang boeh dilakukan ke atas Sistem Tempahan dan Pengurusan Rumah Inap di Kota Bharu.


5.1 Pelaksanaan Sistem

Fasa pelaksanaan merupakan fasa untuk membangunkan sistem cadangan menggunakan Bahasa pengaturcaraan yang telah dipilih pada awal pembangunan sistem. Sistem Tempahan dan Pengurusan Rumah Inap di Kota Bharu dibangunkan dengan menggunakan *Laravel framework* di mana menggunakan PHP: Hypertext Preprocessor (PHP) sebagai bahasa pengaturcaraan *backend* mana kala *Hypertext Mark-up Language (HTML)* pula sebagai bahasa pengaturcaraan *front-end*. Selain itu, sistem ini juga dibangunkan dengan menggunakan *Tailwind CSS framework*. Perisian utama yang digunakan adalah *Microsoft Visual Studio Code* serta pangkalan data pula adalah *MySQL* sebagai bahasa untuk membangunkan sistem yang berpangkalan data.


Bagi membolehkan pengguna menggunakan fungsi yang terdapat dalam sistem ini, pengguna perlulah melog masuk dengan menggunakan emel dan kata laluan yang telah didaftarkan. Sekiranya mereka belum mempunyai akaun, mereka perlu mendaftar terlebih dahulu. Bagi pentadbir, mereka hanya perlu log masuk ke dalam sistem menggunakan emel dan kata laluan yang tersedia. Rajah 5 berikut adalah antaramuka log masuk yang terdapat dalam Sistem Tempahan dan Pengurusan Rumah Inap di Kota Bharu. Manakala rajah 6 di bawah adalah antaramuka pendaftaran bagi mereka yang belum mempunyai akaun.



Rajah 5: Antaramuka Log Masuk



Rajah 6: Antaramuka Daftar



Rajah 7: Antaramuka Pengurusan Pengguna


```

<h2 class="text-2xl font-bold mb-4">Pengurusan Pengguna</h2>
<div class="flex justify-between">
  <a href="{{ route('admin') }}" class="bg-violet-500 hover:bg-violet-700 text-white px-2 py-2 rounded-md mb-4">
    <svg xmlns="http://www.w3.org/2000/svg" fill="none" viewBox="0 0 24 24" stroke="currentColor" class="w-4 h-4 inline-block mr-1">
      <path stroke-linecap="round" stroke-linejoin="round" stroke-width="2" d="M15 19.7 7 7.7" />
    </svg>
    Kembali
  </a>
  <a href="{{ route('admin.users.create') }}" class="bg-blue-500 hover:bg-blue-700 text-white py-2 px-4 rounded-md mb-4">Cipta Pengg
</div>

<table class="min-w-full divide-y divide-gray-200">
  <thead class="bg-gray-100">
    <tr>
      <th scope="col" class="px-4 py-3 text-left text-xs font-medium text-gray-500 uppercase tracking-wider">Nama</th>
      <th scope="col" class="px-4 py-3 text-left text-xs font-medium text-gray-500 uppercase tracking-wider">Alamat Emel</th>
      <th scope="col" class="px-4 py-3 text-left text-xs font-medium text-gray-500 uppercase tracking-wider">Nombor Telefon</th>
      <th scope="col" class="px-4 py-3 text-left text-xs font-medium text-gray-500 uppercase tracking-wider">Negeri</th>
      <th scope="col" class="px-4 py-3 text-left text-xs font-medium text-gray-500 uppercase tracking-wider">Peranan</th>
      <th scope="col" class="px-4 py-3 text-left text-xs font-medium text-gray-500 uppercase tracking-wider">Tindakan</th>
    </tr>
  </thead>
  <tbody class="bg-white divide-y divide-gray-200">
    @foreach ($otherRolesUsers as $user)
      <tr>
        <td class="px-4 py-4 whitespace-nowrap">{{ $user->name }}</td>
        <td class="px-4 py-4 whitespace-nowrap">{{ $user->email }}</td>
        <td class="px-4 py-4 whitespace-nowrap">{{ $user->phoneno }}</td>
        <td class="px-4 py-4 whitespace-nowrap">{{ $user->state }}</td>
        <td class="px-4 py-4 whitespace-nowrap">{{ $user->role }}</td>
        <td class="px-4 py-4 whitespace-nowrap">

```

Rajah 8: Blok Kod Pengurusan Pengguna



Rajah 9: Antaramuka Pengurusan Status Pengguna

```


| Nama | Kemaskini |
| --- | --- |
|  | |


```

Rajah 10: Blok Kod Pengurusan Status Pengguna

Nama Rumah Inap

Lokasi

--Pilih Lokasi--

Alamat Rumah Inap

Kapasiti tetamu

Harga/malam

Nombor Telefon

Kemudahan Rumah Inap

Gambar

[Muat naik gambar](#)
PNG, JPG, GIF up to 10MB

BATAL

HANTAR

Rajah 11: Antaramuka Penempatan Rumah Inap bagi status Pemilik Rumah Inap

```

<h2 class="text-base font-semibold leading-7 □text-gray-900">Maklumat Rumah Inap</h2>
<p class="mt-1 text-sm leading-6 □text-gray-600">Sila isi butiran maklumat rumah inap anda.</p>


<div class="mt-10 grid grid-cols-1 gap-x-6 gap-y-8 sm:grid-cols-6">
  <div class="sm:col-span-3">
    <label for="homestay_name" class="block text-sm font-medium leading-6 □text-gray-900">Nama Rumah Inap</label>
    <div class="mt-2">
      <input type="text" name="homestay_name" id="homestay_name" placeholder="Masukkan nama rumah inap." autocomplete="homestay_na
      @error('homestay_name')
      <div class="invalid-feedback">{{ $message }}</div>
      @enderror
    </div>
  </div>


  <div class="sm:col-span-3">
    <label for="homestay_location" class="block text-sm font-medium leading-6 □text-gray-900">Lokasi</label>
    <div class="mt-2">
      <select id="homestay_location" name="homestay_location" placeholder="Masukkan lokasi rumah inap." autocomplete="homestay_loc
      <option value="">--Pilih Lokasi--</option>
      <option value="Bandar">Bandar</option>
      <option value="Luar Bandar">Luar Bandar</option>
      <option value="Tepi Pantai">Tepi Pantai</option>
      </select>
    </div>
  </div>

  <div class="sm:col-span-3">
    <label for="homestay_address" class="block text-sm font-medium leading-6 □text-gray-900">Alamat Rumah Inap</label>
    <div class="mt-2">
      <input type="text" name="homestay_address" id="homestay_address" placeholder="Masukkan alamat rumah inap." autocomplete="hom
      @error('homestay_address')
      <div class="invalid-feedback">{{ $message }}</div>
    </div>
  </div>
</div>

```

Rajah 12: Blok Kod Penempatan Rumah Inap bagi Pemilik Rumah Inap





Rajah 13: Antaramuka Laman Utama Pengguna Berdaftar

```

<div class="py-12 bg-yellow-200">
  <div class="max-w-7xl mx-auto sm:px-6 lg:px-10 space-y-6">
    <div class="p-4 sm:p-8 dark:bg-gray-800 shadow sm:rounded-lg bg-yellow-400" style="width: 1200px; height: 450px;">
      <div>
        @include('homepage.partials.availability.search')
      </div>
    </div>
    <div class="flex">
      <div>
        <div style="width: 350px; margin-right: 20px">
          <div class="p-4 sm:p-8 dark:bg-gray-800 shadow sm:rounded-lg bg-yellow-400">
            <div class="max-w-xl">
              @include('homepage.partialsranking')
            </div>
          </div>
        </div>
        <div style="width: 350px; margin-top: 30px; margin-right: 20px">
          <div class="p-4 sm:p-8 dark:bg-gray-800 shadow sm:rounded-lg bg-yellow-400">
            <div class="max-w-xl">
              @include('homepage.partials.filter')
            </div>
          </div>
        </div>
      </div>
      <div style="width: 900px; margin-left: 10px">
        <div class="p-4 sm:p-8 dark:bg-gray-800 shadow sm:rounded-lg bg-yellow-400">
          <div class="max-w-xl" style="aligns: justify-center;">
            @include('homepage.partials.home')
          </div>
        </div>
      </div>
    </div>
  </div>
</div>

```

Rajah 14: Blok Kod Laman Utama Pengguna Berdaftar

Membuat Tempahan Penginapan
Sila isi borang ini untuk membuat tempahan penginapan anda.

[← Kembali](#)

Maklumat Tempahan
Sila isi butiran maklumat tempahan anda.

Nama Tetamu **Nombor Telefon**

Bil Hari Menginap **Bil Tamu**

Nama Rumah Inap
Pilih Rumah Inap

Tarikh Daftar Masuk **Tarikh Daftar Keluar**

[BATAL](#) [HANTAR](#)

Rajah 15: Antaramuka Borang Tempahan

```
<div class="border-b border-gray-900/10 pb-12">
  <h2 class="text-base font-semibold leading-7 text-gray-900">Maklumat Tempahan</h2>
  <p class="mt-1 text-sm leading-6 text-gray-600">Sila isi butiran maklumat tempahan anda.</p>

  <div class="mt-10 grid grid-cols-1 gap-x-6 gap-y-8 sm:grid-cols-6">
    <div class="sm:col-span-3">
      <label for="guest_name" class="block text-sm font-medium leading-6 text-gray-900">Nama Tetamu</label>
      <div class="mt-2">
        <input type="text" name="guest_name" id="guest_name" placeholder="Masukkan nama tetamu." autocomplete="guest_name" class="
          @error('guest_name')
          <div class="invalid-feedback">{{ $message }}</div>
        @enderror
      </div>
    </div>
    <div class="sm:col-span-3">
      <label for="guest_phone" class="block text-sm font-medium leading-6 text-gray-900">Nombor Telefon</label>
      <div class="mt-2">
        <input type="tel" name="guest_phone" id="guest_phone" placeholder="Masukkan nombor telefon." autocomplete="guest_phone" cl
      </div>
    </div>
    <div class="sm:col-span-3">
      <label for="duration" class="block text-sm font-medium leading-6 text-gray-900">Bil Hari Menginap</label>
      <div class="mt-2">
        <input type="number" name="duration" id="duration" placeholder="Masukkan bilangan hari menginap." autocomplete="duration"
          @error('duration')
          <div class="invalid-feedback">{{ $message }}</div>
        @enderror
      </div>
    </div>
  </div>
</div>
```

Rajah 16: Blok Kod Borang Tempahan

5.2 Pengujian Sistem

Fasa ujian adalah fasa yang penting dalam menilai dan memastikan sistem yang dibangunkan mencapai objektif serta keperluan fungsi sistem. Oleh itu, ujian fungsi dan ujian penerimaan pengguna akan dilakukan untuk menilai fungsi sistem yang dibangunkan. Keperluan fungsi dilakukan bertujuan untuk menguji sistem yang dibangunkan untuk menentukan sistem tersebut mencapai objektif projek. Jadual 4 di bawah merupakan plan hasil pengujian keperluan fungsi.

Jadual 4: Plan Ujian Keperluan Fungsi

Penerangan	Jangkaan output	Keputusan (Lulus/Gagal)
Pendaftaran berjaya dilakukan.	Berjaya mendaftar dan akan membawa pengguna ke halaman log masuk.	Lulus
Log masuk dapat dilakukan dengan mengisi alamat emel dan kata laluan yang telah didaftarkan.	Berjaya melog masuk dan mengesahkan maklumat log masuk pengguna dan membawa pengguna ke halaman utama berdasarkan peranan pengguna.	Lulus
Memaparkan halaman utama bagi setiap peranan.	Berjaya memaparkan halaman utama berdasarkan peranan pengguna.	Lulus
Memberi penilaian dan komen.	Memaparkan mesej menunjukkan penilaian berjaya dihantar.	Lulus
Menambah pengguna baharu.	Memaparkan mesej berjaya menambah pengguna baharu.	Lulus
Menambah peranan baharu.	Memaparkan mesej berjaya menambah peranan baharu.	Lulus
Memuatnaik maklumat rumah inap.	Memaparkan maklumat rumah inap yang baharu di laman utama pemilik rumah inap.	Lulus
Menapis ciri-ciri rumah inap.	Memaparkan keputusan tapisan berdasarkan ciri-ciri yang disediakan.	Lulus
Membuat tempahan.	Memaparkan tempahan yang dibuat.	Lulus

5.3 Penerimaan Pengguna

Ujian penerimaan pengguna membenarkan pengguna sistem ini menguji dan memberi maklum balas terhadap sistem yang dihasilkan. Ujian ini memberi peluang terhadap penambahbaikan sistem ini pada masa hadapan. Ujian ini dijalankan terhadap pengguna sistem iaitu salah satu pemilik rumah inap di sekitar Kota Bharu. Jadual 5 di bawah menunjukkan tahap kepuasan responden terhadap antaramuka dan fungsi sistem.

Jadual 5: Keputusan Keseluruhan Sistem Tempahan dan Pengurusan Rumah Inap di Kota Bharu

Modul	Tahap kepuasan	Lulus/Gagal
Log masuk	5/5	Lulus
Daftar	5/5	Lulus
Paparan & Fungsi Pentadbir	5/5	Lulus
Paparan & Fungsi Pemilik Rumah Inap	5/5	Lulus
Paparan & Fungsi Pelanggan	5/5	Lulus
Halaman & Fungsi Penilaian dan Maklum Balas	5/5	Lulus
Halaman & Fungsi Tempahan	5/5	Lulus

6. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, sistem yang dibangun ini memenuhi dan mencapai objektif projek seperti yang dicadangkan pada peringkat awal projek berdasarkan keperluan dan skop pengguna. Walaubagaimanapun, beberapa usaha menambah baik Sistem Pengurusan dan Tempahan Rumah Inap di Kota Bharu ini akan diperhalusi dan dilaksanakan supaya dapat dimanfaatkan untuk kegunaan pada masa hadapan.

Penghargaan

Penulis ingin menzahirkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pemilik rumah inap Mior Homestay atas kerjasama dalam menjayakan projek ini. Tidak lupa juga, terima kasih kepada Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan sepanjang projek ini berjalan.

The author would like to express appreciation and heartfelt thanks to the owner of Mior Homestay for their cooperation of this project. Additionally, gratitude is also extended to the Faculty of Computer Science and Information Technology, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, for their support throughout the course of this project.

Rujukan

- [1] Malan, R., & Bredemeyer, D. (2001). Functional requirements and use cases. *Bredemeyer Consulting*.
- [2] Dennis, A., Wixom, B. H., & Roth, R. M. (2019). *Systems analysis and design* (7th ed.). Wiley.
- [3] Rohazizuddin, N. A. F. (2019). Sistem tempahan ruang dan peralatan ICT di FSKTM.
- [4] Adnan, W. N. H., & Abd Aziz, R. (2022). Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat JPM, DBKL JPM, DBKL Meeting Room Booking System. *Applied Information Technology And Computer Science*, 3(1), 1156-1166.
- [5] Kendall, K. E. & Kendall, J. E. 2014. *Systems analysis and design*. 9th ed. New Jersey: Pearson Education.
- [6] Daniel Guttentag. (2019). "Progress on Airbnb: a literature review", *Journal of Hospitality and Tourism Technology*, https://doi.org/10.1108/J_HTT-08-2018-0075
- [7] Weinberg, C. (2017) "Airbnb Restructures to Grow Business Beyond Home Rentals" *The Information*.
- [8] IvyPanda. (2021, July 4). *Booking.com Company's Analysis & Social Marketing*.
- [9] Industri pelancongan perlu bangkit perkukuh ekonomi negara. (n.d.). Berita UTHM. <https://news.uthm.edu.my/ms/2023/04/industri-pelancongan-perlu-bangkit-perkukuh-ekonomi-negara/>
- [10] Khairiah Abd Aziz and Suhaila Mohd Yasin, "MyHomestay Application System for Booking and Approval", *aitcs*, vol. 2, no. 2, pp. 1781–1788, Nov. 2021.
- [11] Fadhil, M. (n.d.). 3.9 Penentuan Keperluan Bukan Fungsian [F2.5]. <https://sqa.mampu.gov.my/index.php/ms/3-9-penentuan-keperluan-bukan-fungsian-f2-5#:~:text=Keperluan%20bukan%20fungsian%2C%20adalah%20keperluan%20yang%20tidak%20berkenaan,ciri-ciri%20sistem%20seperti%20kebolehpercayaan%2C%20prestasi%2C%20keselamatan%20dan%20ketersediaan.>